

Bumi Palestin bergegar setiap detik

Mukadimah

SEHINGGA kini, korban kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin meningkat lebih 800 orang, manakala yang mengalami kecederaan pula lebih 3000 mangsa yang mana 45 peratus daripadanya adalah kalangan wanita dan kanak-kanak.

Adakah ini hak asasi manusia yang begitu diagung-agungkan Amerika? Negara yang kononnya menentang keganasan kini hanya melihat dan tersenyum gembira melihat kanak-kanak ditembak dengan Sniper, keluarga ditempatkan di sebuah rumah dan kemudiannya di bom tentera Israel.

Biarpun peluru menghujani bumi Palestin, Mercy Malaysia (Mercy) tidak gentar untuk terus berbakti dan memberikan bantuan kemanusiaan bersama-sama organisasi bantuan lain bagi membantu rakyat Gaza yang tidak berdosa.

Ikuti pengalaman Presiden Mercy Malaysia, Datuk Dr Jemilah Mahmood bersama beberapa sukarelawan Mercy ketika berada di Rafah iaitu sempadan Mesir-Palestin dalam usaha menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa kekejaman tentera Israel.

Israel sasar serangan ke atas kanak-kanak

S.H 13/01/09 MIs 16

"TENTERA Israel memang sengaja menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran mereka. Mereka memang berniat untuk membunuh kanak-kanak yang tidak berdosa ini.

Kami melihat sendiri bagaimana seorang kanak-kanak berumur 10 tahun ditembak 'sniper' tepat ke kepala kanak-kanak tersebut.

Kami ke Al-Arish iaitu antara bandar terdekat yang mempunyai kemudahan seperti hospital, sekolah dan sebagainya.

Di Hospital Al-Arish, beberapa rakyat Palestin yang tercedera dirawat dan diberikan bantuan.

Sementara itu, di pintu masuk sempadan Rafah berpuluh-puluh ambulans menunggu mangsa untuk dibawa ke hospital tetapi kebanyakan mereka mengalami cedera parah dan meninggal semasa dalam perjalanan ke hospital sebelum sempat menerima rawatan.

Semasa di Hospital Arish, Dr Jemilah sempat bertemu dengan beberapa mangsa keganasan Israel.

Seorang kanak-kanak perempuan yang ditemui Dr Jemilah iaitu Zeynah yang cedera menangis kerana ingin kembali ke Gaza.

"Dalam keadaan menangis, dia memberitahu saya dia mahu balik ke rumah bersama ibu dan adik-beradik yang lain," katanya.

Keesokannya Zeynah kembali ke pangkuan ayahnya di Gaza kerana ingin bersama keluarganya walaupun keselamatannya tidak terjamin di sana.



Dr Jemilah bersama Zeynah, seorang kanak-kanak yang mengalami kecederaan dirawat di Hospital AL-Arish.



Bedilan bom setiap minit kedengaran

SEMASA di Rafah, Dr Jemilah memberitahu bedilan bom kedengaran setiap minit.

Gegaran akibat serangan dapat dirasai kerana kawasan perang adalah hampir dengan sempadan.

Bunyi tembakan dan jeritan terdengar di sana-sini, kepulan asap hasil dari serangan roket dan kereta perisai jelas kelihatan.

"Kami merasai gegaran yang kuat seperti gempa bumi akibat serangan itu, bunyi tembakan bertubi-tubi boleh didengar dengan sangat jelas," katanya.



Dr Jemilah melihat seorang remaja yang dirawat di Hospital Al-Arish.



Tentera Hamas mendukung kanak-kanak perempuan yang mengalami kecederaan akibat serangan tentera Zionis.



Seorang kanak-kanak perempuan mengalami kecederaan di kepala dibawa oleh pegawai



Dr Jemilah menyuapkan makanan kepada Bilal, 7, yang mengalami kecederaan.